



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1983

**PINDAAN KE ATAS PERENGGAN 30 KEPADA
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1980**

KADAR ELAUN PAKAR DAN ELAUN DIPLOMA KESIHATAN

Elaun Pakar

Mulai daripada 1hb Mei, 1983 Elaun Pakar di bawah perenggan 30 kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980 yang di-bayar kepada Pegawai Perubatan yang diwartakan sebagai perunding atau Pakar Klinikal dan Pakar Non-Klinikal adalah dipinda kadarnya seperti berikut:

<i>Tingkatan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Baru</i>
Tingkatan Biasa (A15/A14) ...	\$ 400 × 50-500	\$ 600 × 50-700
Tingkatan Kanan (A11) ...	\$ 600 × 50-700	\$ 750 × 50-850
Tingkatan Tertinggi "G" (A10)	\$ 750 × 50-850	\$ 900 × 50-1,000
Tingkatan Tertinggi "F" (A9)	\$ 900 × 50-1,050	\$1,050 × 50-1,150
Tingkatan Tertinggi "E" (A8)	\$1,050 × 50-1,100	\$1,200 × 50-1,300
Tingkatan Tertinggi "D" (A7)	\$1,100 × 50-1,200	\$1,350 × 50-1,450
Tingkatan Tertinggi "C" (A6) dan ke atas	\$1,100 × 50-1,200	\$1,500 × 50-1,600

2. Kadar Elaun Pakar yang berkuatkuasa di Negeri Sabah adalah juga dipinda kepada kadar-kadar di atas. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang sedang menerima kadar Elaun Pakar tersebut yang lebih tinggi daripada yang diluluskan secara Khas Untuk Penyandang adalah dibenarkan terus menerimanya secara Khas Untuk Penyandang.

3. Sifir pemindahan Elaun Pakar adalah seperti di Lampiran "A" kepada pekeling ini. Pengubahsuaian kepada elaun yang diterima oleh pegawai di semua peringkat pada tarikh kuatkuasa kadar yang diluluskan hendaklah dilakukan berasaskan kepada "mata ke mata". Misalnya, Pegawai Tingkatan Kanan (A11) yang sedang menerima elaun sebanyak \$600.00 sebulan hendaklah dibayar

\$750.00 dan begitulah seterusnya. Pegawai Tingkatan Tertinggi "G" (A10) yang sedang menerima elaun itu sebanyak \$750.00 sebulan hendaklah dibayar \$900.00 sebulan dan begitulah seterusnya.

4. Tarikh kenaikan Elaun Pakar bagi Pegawai-pegawai Perubatan yang berkenaan adalah ditetapkan pada 1hb Mei pada tiap-tiap tahun. Seseorang Pegawai Perubatan yang menerima elaun tetap ataupun yang berada di mata elaun maksima selama satu tahun atau lebih pada tarikh kuatkuasa iaitu pada 1hb Mei, 1983 maka tarikh kenaikan elaunnya adalah pada 1hb Jun, 1983.

5. Walau bagaimanapun peruntukan-peruntukan di perenggan 31 (ii), 33 dan 34 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 9 Tahun 1980 itu masih dipakai.

Elaun Diploma

6. Mulai dari tarikh 1hb Mei, 1983 juga kadar bagi Elaun Diploma yang telah disemak di bawah perenggan 7.227 dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet untuk dibayar kepada Pegawai Perubatan yang diwartakan bagi tugas-tugas kawalan kesihatan adalah dipinda seperti berikut:

<i>Tingkatan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Baru</i>
Pegawai Kesihatan yang diwartakan sebagai Pegawai Perubatan (Kesihatan) tetapi tidak mempunyai Diploma Kesihatan Awam	\$175 sebulan	\$250 sebulan
Pegawai Kesihatan Tingkatan Biasa yang mempunyai Diploma Kesihatan Awam	\$350 sebulan	\$500 sebulan
Pegawai Kesihatan Tingkatan Kanan yang mempunyai Diploma Kesihatan Awam	\$350 sebulan	\$600 sebulan
Pegawai Kesihatan dalam Tingkatan Tertinggi yang mempunyai kelulusan Diploma Kesihatan Awam	\$500 sebulan	\$700 sebulan

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.

5hb Mei, 1983.

LAMPIRAN "A"

Tingkatan		Elaun Sekarang		Elaun Baru	
		\$	c.	\$	c.
Tingkatan Biasa (A15/A14)	...	400.00		600.00	
		450.00		650.00	
		500.00		700.00	
Tingkatan Kanan (A11)	...	600.00		750.00	
		650.00		800.00	
		700.00		850.00	
Tingkatan Tertinggi "G" (A10)	...	750.00		900.00	
		800.00		950.00	
		850.00		1,000.00	
Tingkatan Tertinggi "F" (A9)	...	900.00		1,050.00	
		950.00		1,100.00	
		1,000.00		1,150.00	
		1,050.00			
Tingkatan Tertinggi "E" (A8)	...	1,050.00		1,200.00	
		1,100.00		1,250.00	
				1,300.00	
Tingkatan Tertinggi "D" (A7)	...	1,100.00		1,350.00	
		1,150.00		1,400.00	
		1,200.00		1,450.00	
Tingkatan Tertinggi "C" (A6) dan ke atas		1,100.00		1,500.00	
		1,150.00		1,550.00	
		1,200.00		1,600.00	